

Pseudokod ialah suatu arahan untuk atur cara komputer dalam bahasa biasa. Pseudokod dibina berasaskan algoritma.

Kaji contoh berikut:

Contoh algoritma:

Mula-mula, Pakcik Ali memasukkan air ke dalam sebuah periuk.

Air dipanaskan sehingga mendidih.

Pakcik Ali memasukkan 3kg gula pasir ke dalam air yang mendidih.

Pakcik Ali mengacau larutan gula sehingga larut.

Akhir sekali, tutup api.

Pseudokod bagi algoritma di atas ialah:

MULA

MASUKKAN air ke dalam periuk

DIDIHKAN air

MASUKKAN 3kg gula pasir

KACAU air gula hingga gula larut

TUTUP api

TAMAT

Langkah-langkah menulis pseudokod:

(1) Tuliskan MULA

(2) Kenal pasti kata kerja

-masukkan

-didihkan

-kacau

-tutup

(3) Bina arahan yang pendek

(4) Tuliskan TAMAT di akhir pseudokod

PSEUDOKOD

Latihan: Aina hendak menyediakan sedikit air sabun untuk mengelap tingkap. Kaji algoritma penyediaan air sabun berikut. Lengkapkan pseudokod yang diberi.



- (1) Isikan air sebanyak separuh baldi.
- (2) Masukkan satu penutup sabun cecair ke dalam air.
- (3) Kacau sehingga sabun larut dalam air.

air sebanyak separuh baldi

satu penutup sabun cecair ke dalam air.

sehingga sabun larut dalam air.